

**PERINGATAN PENTING KEPADA PELAJAR SEBELUM MENDUDUKI PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER**

***[IMPORTANCE NOTICE TO ALL STUDENTS BEFORE SITTING FOR THE FINAL  
EXAMINATION]***

1. Pelajar hanya dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan alat tulis sahaja tanpa bekas alat tulis.  
*[Only stationeries that are needed are allowed in. The container of your stationeries is not allowed].*
2. Mesin kira/kalkulator dibenarkan, tetapi tanpa sarungnya.  
*[Calculators are allowed, but without their casings].*
3. Telefon bimbit yang dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan mestilah diMATikan/OFF mode dan diletakkan di atas lantai di bawah penjuru kiri meja, dan pelajar tidak dibenarkan menggunakannya.  
*[Mobile phones brought into the examination hall must be switched OFF and placed on the floor under the left corner of the table, and students are not allowed to use it].*

*Pelajar juga tidak dibenarkan membawa sebarang peralatan elektronik lain termasuk Personal Digital Assistance (PDA), MP3/MP4 Players, ipod, kamus elektronik dan sebagainya, termasuk jam tangan elektronik. Sekiranya terdapat pelajar yang membawa masuk peralatan berkenaan, pelajar diminta mematikan dan meletakkannya di bawah meja peperiksaan.*

*[Students are not allowed to bring any electronic devices such as Personal Digital Assistance (PDA), MP3/MP4 Player, ipod and electronic dictionary, including electronic watches. If there are students who bring in those equipment, please turn it off and put it under the examination table].*

4. Atas sebab keselamatan, barang-barang bernilai seperti beg duit/dompot boleh dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan tetapi diletakkan di bawah meja peperiksaan masing-masing.  
*[For security reasons, valuables such as wallets/purses can be brought into the examination hall but placed under the examination table].*
5. Jika pelajar membawa masuk sebarang nota bertulis, bahan-bahan yang bercetak/bertulis yang tidak dibenarkan dibawa masuk, *pelajar* hendaklah berdiri dan menyerahkan bahan-bahan itu kepada pengawas.  
*[If you bring in printed or written materials which are not allowed, you must stand up and give the invigilators the materials].*

6. Pelajar tidak dibenarkan makan atau merokok semasa berada di dewan peperiksaan. Pelajar hanya dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan air minuman/air mineral di dalam botol yang lutsinar dan hendaklah diletakkan di bawah meja peperiksaan.  
*[Students are not allowed to eat or smoke while in the examination hall. Students are only allowed to bring drinking water/mineral water in transparent bottles and must be placed under the examination table].*
7. Pelajar dibenarkan keluar dewan untuk ke tandas. Sila angkat tangan dahulu untuk mendapat kebenaran pengawas. Sekiranya dibenarkan, pelajar boleh keluar dengan ditemani pengawal keselamatan atau pengawas. Sekiranya pelajar memakai jaket, jaket tersebut hendaklah ditanggalkan sebelum keluar dari dewan. Hanya seorang pelajar sahaja dibenarkan keluar ke tandas dalam satu-satu masa.  
*[Students are allowed to leave the examination hall to go to the toilet but the students must raise their hands for permission from the invigilator. If allowed, students can leave, accompanied by a security guard. If wearing a jacket, the jacket must be removed before leaving the examination hall. Only one student is allowed to leave the room at any one time].*
8. Pelajar yang berjaket adalah tertakluk kepada pemeriksaan jaket oleh pengawas atau pengawal keselamatan pada bila-bila masa peperiksaan dijalankan,  
*[Students who wear jackets are subjected to jacket search by invigilators or security guards at anytime during the examination].*
9. Pelajar hendaklah mematuhi etika pakaian sebelum masuk ke dalam dewan peperiksaan. Pelajar yang didapati melanggar peraturan akan dikenakan tindakan tatatertib.  
*[Students must comply with the university dress code before entering the examination hall. Students who do not abide by the university regulations are subjected to disciplinary action].*
10. Jabatan Keselamatan akan menguatkuasakan peraturan ini dengan mengeluarkan saman serta merta ke atas pelajar yang tidak mematuhi peraturan universiti.  
*[Security Department will enforce all rules and regulations by issuing immediate summons to the students who do not comply with university regulations].*
11. Pelajar yang lewat 30 minit selepas peperiksaan bermula tidak akan dibenarkan masuk ke dalam dewan peperiksaan kecuali dengan kebenaran Ketua Pengawas. Pelajar juga tidak dibenarkan keluar dari dewan peperiksaan dalam masa 30 minit pertama peperiksaan.  
*[Students who arrive 30 minutes late after the examination starts are not allowed to sit for the examination except with the permission of the Head Invigilator. Students are also not allowed to leave the examination hall within the first 30 minutes].*

Bahagian Pengurusan Akademik  
Pusat Pengurusan Akademik  
1 Julai 2022  
*Academic Management Division  
Academic Management Centre  
1 July 2022*

Unit Peperiksaan & Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik (AMD),  
Pusat Pengurusan Akademik (AMC)

*Examination & Graduation Unit, Academic Management Division (AMD),  
Academic Management Centre (AMC)*

**PROSEDUR OPERASI STANDARD**  
**PELAJAR MENDUDUKI PEPERIKSAAN DI DEWAN PEPERIKSAAN**  
***STANDARD OPERATING PROCEDURES***  
***STUDENTS SITTING FOR EXAMINATION IN THE EXAMINATION HALL***

**1.0 TUJUAN**  
***AIM***

Prosedur ini bertujuan untuk memberi panduan dan langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil oleh setiap pelajar di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) semasa menduduki peperiksaan di dewan peperiksaan.

*This procedure aims to provide guidance and necessary safety measures needed to be taken by all Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) students while sitting for the examination in the examination hall.*

**2.0 SKOP**  
***SCOPE***

2.1 Semua pelajar berdaftar UniMAP.  
*All students registered under UniMAP.*

2.2 Keseluruhan premis UniMAP.  
*All UniMAP's premises.*

**3.0 DEFINISI/SINGKATAN**  
***DEFINITIONS/ABBREVIATIONS***

Dalam tafsiran membawa maksud:  
*The interpret:*

- 3.1 Dewan Peperiksaan – Lokasi atau tempat berbentuk dewan atau bilik yang disediakan untuk pelajar bagi tujuan menduduki peperiksaan akhir semester atau mana-mana peperiksaan yang diadakan di UniMAP.  
*Examination Hall – A place or location in the form of a hall or room provided for the purpose of students sitting for the final examination of the semester or any examination held in UniMAP.*
- 3.2 Peperiksaan - Peperiksaan-peperiksaan akhir atau mana-mana peperiksaan yang telah ditetapkan.  
*Examination - Final examination or any arranged examination.*
- 3.3 MySejahtera – Aplikasi yang disediakan Kerajaan Malaysia untuk pengesanan dan kawalan COVID-19.  
*MySejahtera – The application provided by the Malaysian Government for the detection and control of COVID-19.*
- 3.4 RTK (*Rapid Test Kit - Saliva Test*) – Alat yang digunakan untuk saringan sendiri COVID-19.  
*RTK (Rapid Test Kit - Saliva Test) – The device used for COVID-19 self-testing.*
- 3.5 SOP – Prosedur Operasi Standard  
*SOP – Standard Operating Procedures*
- 3.6 AMD (Academic Management Division) - Bahagian Pengurusan Akademik, Aras Bawah, Bangunan Canselori, Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, Perlis.  
*AMD (Academic Management Division) - Academic Management Division, Ground Floor, Chancellery Building, Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, Perlis.*
- 3.7 AMC (Academic Management Centre) - Pusat Pengurusan Akademik, Aras 3, Bangunan Canselori, Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, Perlis.  
*AMC (Academic Management Centre) - Academic Management Centre, Level 3, Chancellery Building, Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, Perlis.*
- 3.8 PKU - Pusat Kesihatan UniMAP  
PKU - *UniMAP Health Centre*
- 3.9 KKM – Kementerian Kesihatan Malaysia  
*MOH – Ministry of Health Malaysia*

#### 4.0 RUJUKAN *REFERENCES*

- 4.1 Kenyataan Media Kementerian Kesihatan Malaysia – Semakan semula langkah kawalan semasa fasa peralihan ke endemik bertarikh 27 April 2022.  
*Media statement of the Ministry of Health Malaysia – Review of control measures during the transition phase to endemic dated 27 April 2022.*
- 4.2 Panduan dan saranan pemakaian pelitup muka mulai 1 Mei 2022.  
*Guidelines for the use of face masks starting 1 May 2022.*
- 4.3 Prosedur ujian dan pelepasan untuk kes positif COVID-19 mulai 1 Mei 2022.  
*Testing and discharge procedures for COVID-19 positive cases starting 1 May 2022.*

#### 5.0 ARAHAN/PROSES KERJA *INSTRUCTIONS/WORKING PROCESS*

**SEMUA PELAJAR YANG MENDUDUKI PEPERIKSAAN DI DEWAN PEPERIKSAAN UniMAP DIWAJIBKAN UNTUK MEMATUHI SOP BERIKUT:**  
***ALL STUDENTS SITTING FOR EXAMINATION IN UniMAP'S EXAMINATION HALL ARE OBLIGATED TO FOLLOW THE FOLLOWING SOP:***

##### 5.1 SEBELUM PEPERIKSAAN *BEFORE THE EXAMINATION*

1. Pelajar perlu memastikan diri dalam keadaan sihat dan tidak bergejala.  
*Students need to make sure that they are in good health and do not have any symptoms.*
2. Pelajar yang disahkan **Positif COVID-19** yang masih dalam arahan kuarantin tidak dibenarkan hadir ke dewan peperiksaan. Pelajar perlu menyerahkan salinan surat cuti sakit daripada PKU atau pegawai perubatan yang diiktiraf, atau bukti daripada laporan aplikasi MySejahtera, kepada pihak fakulti bagi mengesahkan tidak dapat hadir menduduki peperiksaan.  
*Students who are tested **Positive for COVID-19** and under quarantine are not allowed to enter the examination hall. Students need to submit a copy of the medical leave certificate issued by the PKU or a recognized medical doctor, or evidence from the MYSejahtera application report, to their faculty to confirm their inability to sit for the examination.*
3. Pelajar yang disahkan sihat sahaja dibenarkan hadir ke dewan peperiksaan. Pelajar yang bergejala diminta untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan di PKU.  
*Only students that are healthy can enter the examination hall. Symptomatic students need to undergo medical check-up in PKU.*

4. Pelajar diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang berada di dalam dewan peperiksaan.  
*Students are required to wear a face mask while in the examination hall.*
5. Pastikan membawa peralatan menulis untuk peperiksaan yang mencukupi, dokumen pengenalan diri (Kad Matrik/Kad Pengenalan dan Slip Peperiksaan), pelitup muka tambahan dan *hand sanitizer* sendiri sebelum masuk ke dewan peperiksaan.  
*Make sure to bring enough stationeries, documents for identification (Matric Card/Identity Card and Examination Slip), extra face masks and hand sanitizer before entering the examination hall.*
6. Bergerak masuk ke dalam dewan peperiksaan secara berseorangan mengikut penjarakan.  
*Walk into the examination hall alone with physical distancing.*
7. Pastikan terus duduk pada tempat yang telah disediakan mengikut nombor meja seperti yang ditetapkan.  
*Sit at the designated place according to the table number provided.*
8. Tidak berjalan-jalan atau berbual dengan calon peperiksaan yang lain.  
*Do not jaywalk in the examination hall or converse with other candidates.*

## **5.2 SEMASA PEPERIKSAAN** ***DURING THE EXAMINATION***

1. Sentiasa peka untuk menjaga penjarakan fizikal.  
*Always be aware and comply to the physical distancing.*
2. Tidak digalakkan untuk membuka pelitup muka sepanjang berada di dalam dewan peperiksaan atau pun ketika berada berdekatan dengan individu lain.  
*You are not encouraged to open your face mask while in the examination hall.*
3. Kerap membersihkan tangan dengan menggunakan *hand sanitizer* yang dibawa bersama.  
*Frequently sanitize your hands using hand sanitizer you brought in with you.*
4. Sentiasa peka terhadap arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengawas/Pengawas Peperiksaan.  
*Always be alert of the instructions given by the Head Invigilator/Invigilator.*

### **5.3 SELEPAS PEPERIKSAAN** ***AFTER THE EXAMINATION***

1. Calon hanya boleh meninggalkan dewan peperiksaan setelah diberi arahan oleh Ketua Pengawas/Pengawas Peperiksaan.  
*Candidates can only leave the examination hall after being instructed by the Head Invigilator/Invigilator.*
2. Calon diminta tidak berasak-asak semasa keluar dewan dan perlu mengikut penjarakan yang ditetapkan.  
*Candidates are required not to move in crowd while leaving the examination hall and adhere to the physical distancing.*
3. Terus ke kenderaan atau bas dan elakkan percampuran di tempat awam tanpa keperluan.  
*Move straight to your vehicle or bus and avoid gathering in public places without any urgency.*
4. Segera membersihkan diri setelah sampai ke kediaman.  
*Clean yourself once you have arrived home.*

### **6.0 LAMPIRAN** ***APPENDIX***

- 6.1 Tanggungjawab Ketua Pengawas/Pengawas Peperiksaan.  
*Responsibilities of Head Invigilator/Invigilator.*
- 6.2 Lampiran A - Arahan peperiksaan kepada pelajar.  
*Appendix A - Examination instructions to students.*

### **7.0 TARIKH KEMAS KINI** ***REVISED DATE***

1 Julai 2022  
*1 July 2022*